UNTUK SIARAN SEGERA

KEMENTERIAN KOMUNIKASI

MCMC

KENYATAAN MEDIA

FH4A TINGKAT LITERASI KESIHATAN RAKYAT

KULAI, 28 Februari 2025 – Timbalan Menteri Komunikasi, YB Teo Nie Ching merasmikan Majlis Penutupan Program Rintis *Future Health for All (*FH4A), inisiatif oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) pada hari ini.

Program rintis FH4A bertujuan untuk meningkatkan kesedaran rakyat mengenai penjagaan kesihatan melalui pelbagai sesi perkongsian, pameran teknologi kesihatan, saringan kesihatan percuma, serta peluang untuk mengalami sendiri inovasi kesihatan terkini.

Sejak dilancarkan pada 18 Januari 2024, FH4A telah dianjurkan di 20 buah lokasi merentasi enam negeri iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor, Negeri Sembilan, Pahang, Perak dan Johor.

Program rintis ini telah mendapat sokongan penuh rakan-rakan strategik iaitu Persatuan Perubatan Malaysia (MMA), Persatuan Farmasi Malaysia (MPS), Majlis Amanah Rakyat (MARA), ProtectHealth, Institut Penyelidikan Khazanah (KRI) dan KPJ Healthcare Berhad.

FH4A akan diperluas ke negeri-negeri lain termasuk di kawasan bandar dan luar bandar. Usaha ini amat penting dalam memastikan rakyat mendapat akses kepada penjagaan kesihatan berkualiti tanpa mengira lokasi dan memperkukuh literasi kesihatan.

Kerajaan komited dalam memperkasakan kesaksamaan akses kesihatan rakyat dengan mengaplikasikan teknologi terkini bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan negara, khususnya melalui penggunaan ketersambungan 5G yang lebih meluas dan efisien.

Dikeluarkan oleh:
KOMUNIKASI KORPORAT MCMC